

TARIKH : 15 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

Pertumbuhan ekonomi tahun ini diunjur sederhana

Pertumbuhan ekonomi tahun ini diunjur sederhana

Fitch Solutions Country Risk and Industry Research (Fitch Solutions) mengekalkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar Malaysia bagi tahun ini menyederhana kepada 4 peratus daripada 8.7 peratus pada 2022.

Pertumbuhan ekonomi dijangka terus perlahan pada suku akan datang susulan pertumbuhan lebih rendah tahun-ke-tahun pada 7 peratus pada suku keempat 2022 berbanding 14.2 peratus suku ketiga.

“Biarpun menjangkakan ekonomi kembali tumbuh pada suku mendatang (berasaskan suku ke suku), kami percaya kadar pengembangan ekonomi menyederhana secara ketara pada masa depan apabila keadaan kredit diperketat manakala permintaan menyusut.

“Prospek eksport diunjur lemah akibat ekonomi global yang perlahan serta industri semi-



Pertumbuhan KDNK diunjur sederhana kepada 4 peratus. (Foto hiasan)

konduktor terus menyaksikan aliran penurunan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Fitch Solutions juga menyifatkan pertumbuhan dijangka menyederhana kepada 5 peratus tahun ini daripada 11.5 peratus pada 2022 manakala pertumbuhan pelaburan tetap kasar perlahan kepada 2 peratus daripada 6.8 peratus pada tahun lalu.

Menurutnya, jika perang Russia-Ukraine berterusan dan sekatan terhadap Russia diperketat, menyebabkan ketidaktentuan harga komoditi dan memburukkan lagi kekurangan komoditi utama peringkat global seperti minyak dan minyak sawit dengan pembabitan Malaysia sebagai pengeksport bersih.

*BERNAMA